SALAM KEMERDEKAAN KE-69 & SELAMAT HARI MALAYSIA KE-63

eBuletin JSKM

EDISI KHAS KEMERDEKAAN 2026

"Merdeka bukan sekadar bebas dari penjajah, tetapi semangat untuk terus membina bangsa yang berani, maju, dan bersatu."

MALAYSIA MADANI

Kesejahteraan Dinikmati

eISSN 2637-0077

69

Isi Kandungan

01 Malaysia Rumah Kita

02 Pengjhayatan Merdeka: Di Mata Warisan dan Generasi Muda

05 Malaysia di Meja Makan: Apabila Makanan Menyatukan Kita

08 Membaca Data, Membina Negara

11 Merdeka daripada “Nanti”

13 Warisan Pusaka Merdeka-69

14 Kita Belum Merdeka

15 Semangat Kemerdekaan dan Jatidiri sebagai Pensyarah Akademik

18 Merdeka yang Sebenarnya

21 Merdeka Mode: On

23 Kebangsaan Malaysia.....

24 Hati Merdeka

25 Alunan Merdeka Dalam Wajah Berbeza

27 Menelusuri Erti Kemerdekaan Menerusi Layar Perak

32 Bicara Penuh Makna

33 Merdeka daripada Ketakutan terhadap Matematik

36 Jalur Gemilang

37 Pantun Kemerdekaan 2026

38 Pantun Prinsip Rukun Negara

39 Merdeka! Merdeka! Merdeka!

40 Setia Jalur Gemilang Demi Pasak Yang Lima

42 Unzip Sejarah Kita!

Sidang Redaksi

PENASIHAT

Ts Dr Syarifah Adilah Mohamed Yusoff

KETUA EDITOR

Dr Siti Nurleena Abu Mansor

EDITOR

Ts Jamal Othman

Siti Mariam Saad

Ahmad Rashidi Azudin

Zuraira Libasin

TERBITAN

JSKM
UiTMCPP

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
Pulau Pinang



Kata Alu-Aluan



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Malaysia MADANI. Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur, e-Buletin Edisi Kemerdekaan 2026 kembali menemui para pembaca sebagai wadah untuk menghayati makna kemerdekaan yang lebih luas dan bermakna. Kemerdekaan bukan sekadar sejarah yang dikenang atau sambutan yang diraikan setiap tahun, tetapi merupakan amanah untuk kita terus memelihara keharmonian, memperkukuh perpaduan dan menyumbang kepada kemajuan negara. Dalam dunia yang semakin mencabar, semangat merdeka perlu diterjemahkan melalui pemikiran yang terbuka, sikap yang bertanggungjawab serta kesediaan untuk terus berilmu, berinovasi dan berbakti kepada masyarakat.

Sebagai warga Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM), marilah kita bersama-sama menyemarakkan semangat kemerdekaan melalui kecemerlangan dalam tugas, perkongsian ilmu, penghasilan inovasi serta sumbangan yang memberi manfaat kepada insan dan persekitaran. Semoga e-Buletin edisi khas ini bukan sahaja menjadi ruang untuk berkongsi aktiviti dan pencapaian warga JSKM, malah menjadi medium yang menyatukan kita melalui nilai kebersamaan, kecintaan kepada negara dan semangat untuk terus melangkah ke hadapan. Selamat menyambut Hari Kebangsaan 2026. Semoga Malaysia terus aman, makmur dan sejahtera, serta kita semua terus menjadi warga yang merdeka jiwa, teguh jati diri dan ikhlas dalam berbakti.



Dr. Siti Nurleena

Ketua Editor

OLEH: SITI NURLEENA ABU MANSOR



MALAYSIA RUMAH KITA

Kadangkala, kita terlalu biasa dengan apa yang kita miliki sehingga kita lupa untuk mensyukurinya. Kita bangun setiap pagi tanpa rasa takut, keluar mencari rezeki, menghantar anak ke sekolah, menikmati makanan yang pelbagai dan pulang ke rumah kepada keluarga yang kita sayangi. Kita menjalani semuanya seperti rutin biasa. Namun, pernahkah kita berhenti seketika dan bertanya kepada diri sendiri... seberuntung apakah kita kerana dilahirkan sebagai rakyat Malaysia?

Aku mungkin tidak pernah melalui zaman sebelum kemerdekaan. Aku tidak pernah merasai bagaimana getirnya hidup ketika tanah air belum bebas. Aku tidak pernah melihat sendiri perjuangan mereka yang terdahulu mengangkat suara demi sebuah negara yang merdeka. Tetapi hari ini, aku dapat menikmati hasil daripada pengorbanan mereka. Aku dapat berdiri di bawah langit Malaysia dengan bebas. Aku dapat bersuara, belajar, bekerja, membina keluarga dan mengejar impian tanpa perlu memikirkan apakah esok aku masih akan hidup dalam sebuah negara yang aman. Bukankah itu sendiri sudah merupakan satu nikmat yang sangat besar?

Aku juga beruntung kerana menjadi rakyat sebuah negara yang begitu kaya dengan kepelbagaian. Di Malaysia, perbezaan bukan sesuatu yang asing. Kita membesar dengan jiran yang mungkin berbeza bangsa dan agama, belajar bersama rakan daripada latar belakang yang berbeza, berkongsi makanan, menghadiri rumah terbuka dan mengucapkan selamat ketika perayaan. Kita mungkin tidak mempunyai warna kulit, bahasa ibunda atau kepercayaan yang sama, tetapi kita berkongsi sesuatu yang jauh lebih besar – kita semua memanggil tempat yang sama sebagai rumah.

Aku beruntung kerana Malaysia mengajar aku bahawa kehidupan tidak semestinya tentang menjadi sama untuk hidup bersama. Kita boleh berbeza dan tetap menghormati. Kita boleh mempunyai pandangan yang berbeza dan masih duduk semeja. Kita boleh datang daripada keluarga dan budaya yang berbeza, tetapi tetap saling membantu ketika diperlukan. Mungkin inilah wajah sebenar Malaysia – tidak sempurna, tetapi sentiasa belajar untuk memahami, menerima dan hidup bersama.

Dan apabila melihat anak-anak hari ini membesar dalam suasana yang lebih terbuka, mendapat pendidikan, menggunakan teknologi dan mempunyai impian yang besar, aku semakin sedar bahawa kemerdekaan bukan sekadar kisah yang tertulis dalam buku sejarah. Kemerdekaan adalah peluang. Peluang untuk kita menentukan masa depan. Peluang untuk kita memperbaiki kehidupan. Peluang untuk kita menjadi manusia yang lebih baik dan memberikan sesuatu kembali kepada tanah air yang telah memberikan begitu banyak kepada kita.

Jadi, pada ulang tahun kemerdekaan ini, mungkin kita tidak perlu mencari alasan yang terlalu besar untuk mencintai Malaysia. Cukuplah kita menghargai perkara-perkara kecil yang selama ini kita anggap biasa – udara yang kita hirup dengan tenang, keluarga yang kita peluk tanpa rasa takut, rezeki yang kita cari dengan bebas, pendidikan yang kita nikmati dan kehidupan yang kita jalani dalam sebuah negara yang masih aman. Aku beruntung menjadi rakyat Malaysia.

Bukan kerana Malaysia sempurna. Tetapi kerana di sinilah aku dilahirkan, di sinilah keluargaku membina kehidupan, di sinilah impianku tumbuh dan di sinilah hatiku mengenal erti sebuah tanah air.
Dan jika suatu hari nanti anak-anak bertanya, “Mengapa kita perlu mencintai Malaysia?”
Aku mahu menjawab dengan sederhana:
“Kerana kita pernah menerima begitu banyak daripada tanah air ini. Maka, sudah tiba masanya kita pula memberi sesuatu kepadanya.”

Selamat Hari Kebangsaan.
Malaysia, rumah kita.

PENGHAYATAN MERDEKA: DI MATA WARISAN DAN GENERASI MUDA



OLEH: MUNIROH HAMAT

Apabila tibanya bulan Ogos, kibaran Jalur Gemilang mula menghiasi jalan raya, bangunan, sekolah dan kediaman. Lagu-lagu patriotik turut berkumandang dan pelbagai program sempena bulan kebangsaan dianjurkan. Namun, di sebalik kemeriahan sambutan tersebut, pernahkah kita bertanya kepada diri sendiri:

> ***"adakah anak-anak kita benar-benar memahami dan menjiwai erti kemerdekaan?"***

Generasi hari ini membesar dalam suasana aman dan bebas. Mereka tidak pernah melalui pahit getir kehidupan ketika negara belum merdeka, tidak pernah melihat sendiri perjuangan mereka yang terdahulu, dan mungkin juga tidak begitu memahami betapa besar pengorbanan yang telah dilakukan untuk membolehkan kita hidup dalam keamanan seperti hari ini. Bagi sebahagian anak-anak, kemerdekaan mungkin hanya dikaitkan dengan cuti sekolah, perarakan, pertandingan menghias kelas atau mengibarkan Jalur Gemilang. Sedangkan di sebalik semua itu, tersimpan sebuah kisah panjang tentang perjuangan, air mata, pengorbanan dan harapan untuk melihat anak cucu hidup bebas di bumi sendiri. Namun, kemerdekaan bukan sekadar sebuah tarikh dalam kalendar. Kemerdekaan adalah hasil perjuangan, pengorbanan dan kesatuan hati rakyat.

Merdeka bukan sekadar tahu sejarah

Menghayati erti kemerdekaan bukan sekadar menghafal tarikh atau nama tokoh sejarah, tetapi memahami nilai dan pengorbanan di sebaliknya. Kehidupan aman yang kita nikmati hari ini lahir daripada perjuangan, kesungguhan dan pengorbanan generasi terdahulu. Walaupun kita tidak mengalami sendiri perjuangan mereka, kita sedang menikmati hasil pengorbanan itu hingga ke hari ini. Oleh itu, apabila anak-anak tidak menghormati perbezaan, mudah menghina orang lain, tidak menghargai keamanan atau tidak mengambil peduli tentang masa depan negara, kita perlu bertanya semula:

> ***di manakah letaknya penghayatan terhadap erti kemerdekaan?***

Cabaran generasi dalam kehidupan dunia serba moden

Generasi muda hari ini membesar dalam dunia yang jauh berbeza daripada zaman ibu bapa dan datuk nenek mereka. Dengan hanya satu sentuhan di skrin, mereka boleh mendapatkan pelbagai maklumat, melihat apa yang berlaku di seluruh dunia dan berkomunikasi dengan sesiapa sahaja. Dunia mereka begitu luas, tetapi dalam masa yang sama, cabaran untuk membentuk rasa cinta dan tanggungjawab terhadap negara juga semakin besar.

Justeru, tugas kita bukan sekadar memastikan mereka mengenali sejarah negara, tetapi membantu mereka memahami bahawa mereka juga mempunyai tempat dan peranan dalam perjalanan negara ini. Mereka perlu merasakan bahawa negara ini adalah milik mereka dan masa depannya turut bergantung pada apa yang mereka lakukan hari ini. Cinta kepada negara pula tidak semestinya perlu dilafazkan dengan kata-kata yang besar atau ditunjukkan melalui sambutan yang meriah.

Kadang-kadang, ia bermula dengan perkara yang sangat sederhana seperti menghormati ibu bapa dan guru, menjaga kebersihan, mematuhi peraturan, menghormati perbezaan kaum dan budaya, membantu mereka yang memerlukan serta menjaga keharmonian di sekeliling kita. Perkara-perkara kecil inilah yang sebenarnya mencerminkan nilai seorang rakyat yang menghargai negaranya. Kerana akhirnya, patriotisme bukan hanya tentang seberapa kuat kita melaungkan perkataan Merdeka, tetapi sejauh mana kita menunjukkan rasa sayang kepada negara melalui cara kita hidup, bertindak dan melayan orang di sekeliling kita.



Tanggungjawab kita mendidik generasi merdeka

Persoalan tentang anak-anak yang kurang menjiwai erti kemerdekaan tidak seharusnya diletakkan sepenuhnya di bahu mereka kerana kita sebagai ibu bapa, pendidik dan masyarakat turut mempunyai tanggungjawab yang besar. Kita perlu mendekatkan kisah kemerdekaan dengan kehidupan mereka dengan berkongsi cerita tentang pengorbanan datuk dan nenek, kesukaran generasi terdahulu serta pentingnya perpaduan dalam membina kehidupan yang aman hari ini.

Anak-anak bukan sekadar perlu diberitahu tentang kemerdekaan, tetapi perlu memahami, menghargai dan merasai sendiri nilai kemerdekaan dalam kehidupan seharian. Di setiap sekolah dan institusi pendidikan di Malaysia, sambutan bulan kebangsaan juga boleh dijadikan ruang untuk membina kesedaran, bukan sekadar memenuhi aktiviti tahunan. Pelajar boleh diajak berbincang, menulis, menghasilkan karya, menjalankan aktiviti kemasyarakatan dan mengenali sejarah tempatan agar mereka memahami bahawa mereka juga mempunyai peranan dalam membina masa depan negara.

Merdeka yang perlu terus diperjuangkan

Kemerdekaan negara mungkin telah dicapai sejak sekian lama, namun mempertahankan nilai dan semangat kemerdekaan merupakan tanggungjawab setiap generasi. Kita mahu melahirkan generasi yang bukan sekadar tahu melaungkan “Merdeka!”, tetapi memahami makna di sebalik laungan tersebut, menghargai keamanan, menghormati perbezaan, mensyukuri nikmat yang dimiliki dan sedar bahawa masa depan negara berada di tangan mereka. Jangan sampai anak-anak kita hanya mengenali kemerdekaan melalui kibaran Jalur Gemilang setiap bulan Ogos, tetapi tidak memahami perjuangan dan pengorbanan yang telah menjadikan negara kita sebuah negara yang bebas dan aman seperti hari ini.

Kemerdekaan ialah warisan yang kita terima daripada generasi terdahulu, namun penghayatannya merupakan amanah yang perlu kita teruskan kepada generasi seterusnya. Oleh itu, marilah kita mendidik anak-anak bukan sekadar untuk menyambut kemerdekaan, tetapi untuk menjiwai, menghargai dan mempertahankannya. Sesungguhnya, merdeka bukan sekadar bebas daripada penjajahan, tetapi bebas untuk menjadi insan yang bertanggungjawab, hidup dalam perpaduan dan berbakti kepada negara. Selamat menyambut Hari Kebangsaan. Hayati kemerdekaan, hargai pengorbanan dan teruskan perjuangan.



Malaysia di Meja Makan: Apabila Makanan Menyatukan Kita

Zuraira Libasin & Nor Aini binti Hassanuddin

Ada satu soalan yang hampir selalu berjaya memulakan perbualan dalam kalangan rakyat Malaysia: “Dah makan?” Soalan ini kadangkala bukan benar-benar mahu mengetahui sama ada seseorang sudah makan atau belum. Ia ialah tanda mengambil berat, pembuka bicara dan jemputan halus untuk duduk bersama. Jika jawapannya “belum”, perbualan biasanya bergerak kepada soalan yang lebih penting: “Nak makan apa?”

Di Malaysia, memilih makanan boleh menjadi perbincangan yang panjang. Seorang mahu nasi kandar, seorang teringin mi, seorang lagi berkata apa-apa sahaja—tetapi akhirnya menolak semua cadangan. Walaupun begitu, apabila makanan tiba di atas meja, perbezaan pendapat tadi cepat dilupakan. Pinggan mula dikongsi, sambal dipinjamkan dan ayat “cuba rasa sikit” berulang dari satu hujung meja ke hujung yang lain.

Satu meja, pelbagai rasa

Meja makan di Malaysia jarang sunyi daripada kepelbagaian. Pada waktu pagi, ada yang memilih nasi lemak, roti canai, tosai, mi goreng atau kuih-muih bersama secawan teh tarik atau kopi. Pada waktu tengah hari, pilihan menjadi lebih panjang. Pada musim perayaan pula, meja makan berubah menjadi ruang pertemuan pelbagai rasa, cara memasak dan cerita keluarga.

Kepelbagaian itu terasa biasa kerana kita membesar bersamanya. Kita mungkin tidak mengetahui setiap sejarah di sebalik sesuatu hidangan, tetapi kita tahu bila mahu menikmatinya, dengan siapa kita pernah berkongsi dan memori apa yang hadir bersama aromanya. Makanan bukan hanya bahan yang mengenyangkan. Ia membawa bahasa rumah, kenangan zaman kanak-kanak dan wajah orang yang pernah menyediakannya untuk kita.





Ada makanan yang mengingatkan kita kepada ibu yang bangun awal, ayah yang membawa pulang bungkusan makan malam, nenek yang memasak tanpa sukatan atau rakan yang memperkenalkan rasa baharu. Sebab itulah satu suapan kadangkala mampu membawa kita pulang kepada masa dan tempat yang sudah lama berlalu.

> *"Di meja makan, kita tidak perlu menjadi serupa untuk duduk bersama. Cukuplah kita datang dengan rasa ingin mengenali dan kesediaan untuk berkongsi."*

Bahasa yang tidak memerlukan terjemahan

Makanan mempunyai cara tersendiri untuk merapatkan orang. Kita mungkin berbeza umur, pekerjaan, bahasa atau latar belakang, tetapi pujian seperti "sedapnya" mudah difahami oleh semua. Apabila seseorang berkongsi hidangan keluarganya, dia sebenarnya sedang berkongsi sebahagian daripada kehidupannya. Kita belajar melalui rasa: mengapa sesuatu makanan disediakan pada hari tertentu, bagaimana resipinya diwariskan dan siapakah yang paling pakar memasaknya dalam keluarga.

Kadangkala, hubungan bermula dengan perkara yang sangat kecil. Seorang rakan membawa kuih ke pejabat. Seorang jiran menghantar sedikit juadah. Seorang pelajar menawarkan makanan kepada rakannya. Perbuatan itu mungkin kelihatan biasa, tetapi di dalamnya ada mesej yang jelas: saya mengingati kamu, dan ada tempat untuk kamu di meja ini.

Perayaan yang turut dirasai bersama

Antara keistimewaan hidup di Malaysia ialah kita berpeluang mengenali perayaan melalui makanan. Rumah terbuka, jamuan di tempat kerja dan kunjungan sesama jiran memberi ruang untuk bertanya, mencuba dan memahami. Kita belajar bahawa setiap hidangan mempunyai adab, makna dan cerita yang wajar dihormati.

Namun, semangat kebersamaan tidak seharusnya muncul hanya ketika musim perayaan. Ia boleh hidup pada hari biasa—ketika kita makan bersama rakan yang berlainan latar belakang, memilih kedai yang memenuhi keperluan semua orang atau bertanya dengan sopan tentang sesuatu hidangan sebelum membuat andaian. Rasa ingin tahu yang disertai hormat menjadikan meja makan sebuah ruang pembelajaran yang menyenangkan.

Menjaga warisan, menghormati perbezaan

Meraikan makanan Malaysia bukan sekadar mengambil gambar sebelum makan. Ia juga bermaksud menghargai orang yang menanam bahan mentah, menyediakan hidangan, menjaga resipi keluarga dan mencari rezeki melalui perniagaan makanan. Apabila membeli daripada peniaga kecil, mempelajari resipi lama atau memasak bersama ahli keluarga, kita membantu sesuatu tradisi terus hidup.



Dalam masa yang sama, kita tidak perlu berlumba-lumba menentukan makanan siapa yang paling hebat. Cita rasa memang berbeza. Sambal yang sederhana bagi seseorang mungkin sudah terlalu pedas bagi orang lain. Cara terbaik menikmati kepelbagaian ialah dengan berkongsi tanpa memaksa, bertanya tanpa memperlekeh dan menerima bahawa setiap orang mempunyai kenangan rasa yang tersendiri.

Kemerdekaan yang boleh dirasai

Apabila bulan kemerdekaan tiba, kita melihat Jalur Gemilang di bangunan, kenderaan dan ruang awam. Namun, rasa Malaysia juga hadir dalam perkara yang lebih dekat—bunyi sudu berlaga dengan pinggan, aroma makanan di pasar malam, perbualan di kedai mamak dan bekas makanan yang bertukar tangan antara jiran.

Negara ini dibina bukan hanya melalui peristiwa besar yang tercatat dalam buku sejarah, tetapi juga melalui kebiasaan kecil yang mengajar kita hidup bersama. Salah satunya ialah kesediaan berkongsi meja. Di situ kita belajar menunggu giliran, menjaga keperluan orang lain, mencuba sesuatu yang asing dan menemukan persamaan di tengah-tengah perbezaan.

Jadi, pada sambutan kemerdekaan kali ini, mungkin kita boleh melakukan sesuatu yang mudah seperti ajak seseorang makan bersama, cuba hidangan yang belum pernah dirasai atau dengar cerita di sebalik resipi keluarganya. Tidak perlu majlis besar. Kadangkala, sebuah Malaysia yang harmoni bermula dengan satu meja, beberapa pinggan dan ayat yang sangat kita kenali.

“Jom makan!”

MEMBACA DATA, MEMBINA NEGARA

Zuraira Libasin & Maisurah Shamsuddin



Kita hidup dalam zaman yang sangat kaya dengan data. Setiap hari, angka hadir melalui berita, media sosial, iklan, laporan ekonomi, keputusan tinjauan dan paparan aplikasi. Kita membaca tentang peratus kenaikan harga, kadar pengangguran, purata pendapatan, prestasi pendidikan dan pelbagai angka lain yang akhirnya mempengaruhi cara kita melihat keadaan sekeliling. Namun, banyaknya data tidak semestinya menjadikan seseorang lebih berpengetahuan. Data hanya membantu apabila kita tahu cara membacanya.

Dalam semangat kemerdekaan, kebebasan berfikir mempunyai tempat yang sama penting dengan kebebasan mendapatkan maklumat. Seorang warga yang merdeka tidak sepatutnya menerima sesuatu dakwaan hanya kerana terdapat nombor, peratus atau graf di sebelahnya. Dia berhak bertanya: Dari mana angka ini datang? Apakah yang sebenarnya diukur? Siapakah yang diwakili oleh data ini? Adakah perbandingan yang dibuat itu adil? Di sinilah literasi statistik menjadi sebahagian daripada kemahiran kewarganegaraan moden.

Apabila nombor bercakap, kita masih perlu bertanya

Bayangkan kita terbaca tajuk, "70% rakyat bersetuju dengan cadangan ini". Angka 70% kelihatan meyakinkan, tetapi ia belum menceritakan keseluruhan cerita. Berapa ramai yang ditanya? Bagaimanakah mereka dipilih? Apakah soalan yang digunakan? Adakah responden datang daripada satu kumpulan tertentu sahaja? Tanpa maklumat tersebut, 70% hanyalah satu nombor yang belum mempunyai konteks yang mencukupi.

Literasi statistik bukan bermaksud setiap orang mesti mampu melakukan analisis yang rumit. Pada tahap paling asas, ia ialah kebolehan membaca, menyoal dan mentafsir nombor secara munasabah. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sendiri meletakkan peningkatan literasi statistik sebagai satu inisiatif bagi membantu pengguna menggunakan statistik rasmi untuk keperluan pekerjaan dan kehidupan (DOSM, n.d.). Ini menunjukkan bahawa statistik bukan hanya milik ahli statistik; ia ialah alat membuat keputusan untuk masyarakat.



Data bukan sekadar nombor

Satu angka boleh membawa makna yang berbeza bergantung pada cara ia dibina. Ambil contoh perkataan "purata". Jika beberapa nilai yang sangat besar hadir dalam satu kumpulan, min boleh meningkat walaupun pengalaman kebanyakan individu tidak banyak berubah. Dalam keadaan tertentu, median mungkin memberi gambaran yang lebih mewakili. Begitu juga dengan peratus: kenaikan daripada 1 kepada 2 ialah kenaikan 100%, tetapi magnitud asalnya masih kecil. Membaca statistik memerlukan kita melihat angka dan asas yang menghasilkan angka tersebut.

Perkara yang sama berlaku kepada sampel. Dapatan daripada 100 orang tidak secara automatik mewakili berjuta-juta penduduk. Yang penting bukan saiz sampel semata-mata, tetapi juga bagaimana sampel dipilih dan siapakah yang mungkin tidak terwakili. Statistik yang baik sentiasa mempunyai cerita tentang sumber, ukuran, populasi, masa dan kaedah. Pembaca yang celik statistik cuba mencari cerita itu sebelum membuat kesimpulan.

Graf juga boleh memujuk

Graf membantu kita melihat corak dengan pantas, tetapi visual yang cantik tidak semestinya neutral. Paksi menegak yang dipotong boleh membuat perbezaan kecil kelihatan sangat besar. Pemilihan tempoh masa tertentu pula boleh menonjolkan satu trend sambil menyembunyikan apa yang berlaku sebelum atau selepasnya. Warna, skala dan cara kategori disusun juga boleh mempengaruhi persepsi. Oleh itu, apabila melihat graf, jangan hanya tanya "apa yang ditunjukkan?"; tanya juga "bagaimana ia ditunjukkan?".



Daripada pengguna data kepada warga berinformasi

Kemahiran menilai data menjadi lebih penting apabila sesuatu maklumat mudah dikongsi semula dalam beberapa saat. Sebelum menekan butang kongsi, satu tabiat kecil boleh membuat perbezaan besar: cari sumber asal. Jika dakwaan berkaitan statistik rasmi Malaysia, kita boleh menyemak portal agensi berkaitan. OpenDOSM, misalnya, menyediakan katalog data rasmi bersama maklumat seperti metadata, metodologi, pemboleh ubah dan catatan yang membantu pengguna memahami apa yang sebenarnya terkandung dalam sesuatu set data (DOSM, 2026).

Tindakan menyemak sumber tidak bermaksud kita perlu curiga terhadap semua perkara. Sebaliknya, ia melatih kita membezakan antara sikap skeptikal yang sihat dengan penolakan tanpa asas. Kita boleh menerima bukti yang kukuh, meminta konteks apabila maklumat tidak lengkap, dan menangguhkan kesimpulan apabila data belum mencukupi. Sikap ini penting dalam masyarakat yang perlu membuat keputusan bersama berdasarkan fakta.

Literasi statistik bermula dari bilik darjah

Bagi pelajar, statistik akan lebih bermakna apabila ia tidak berhenti pada formula. Selain mengira min, sisihan piawai atau selang keyakinan, pelajar boleh dilatih membaca satu berita, menyemak graf, mengenal pasti populasi dan sampel, atau membandingkan satu dakwaan dengan sumber asalnya. Aktiviti seperti ini menghubungkan kemahiran matematik dengan keputusan sebenar. Pelajar mula melihat bahawa soalan statistik yang penting bukan hanya "berapa jawapannya?", tetapi juga "adakah kesimpulan ini wajar?".

Peranan pendidik bukan untuk menjadikan semua pelajar ahli statistik, tetapi untuk membina keberanian intelektual supaya mereka tidak mudah terpesona oleh angka. Seorang pelajar yang berani bertanya tentang sumber data, saiz sampel atau skala graf sebenarnya sedang mempraktikkan kemahiran berfikir kritis. Lama-kelamaan, tabiat kecil itu boleh dibawa ke tempat kerja, keluarga dan masyarakat.



Membaca data, membina negara

Negara dibina bukan hanya melalui dasar yang besar, tetapi juga melalui jutaan keputusan kecil yang dibuat oleh rakyatnya. Keluarga menilai kos hidup, pekerja membandingkan peluang, organisasi mengukur prestasi dan masyarakat menimbang pelbagai dakwaan tentang isu semasa. Apabila keputusan ini dibuat dengan pemahaman data yang lebih baik, ruang untuk salah tafsir dan manipulasi menjadi lebih kecil.

Sempena ulang tahun kemerdekaan ke-69, mungkin salah satu bentuk kemerdekaan yang perlu terus diperkukuh ialah kemerdekaan daripada mudah terpedaya oleh nombor. Bukan semua statistik itu salah, dan bukan semua graf itu mengelirukan. Tetapi setiap angka layak dibaca bersama konteksnya. Warga yang celik statistik tidak sekadar bertanya "berapa?". Dia juga bertanya "daripada mana?", "siapa?", "bagaimana?" dan "dibandingkan dengan apa?". Dengan soalan-soalan kecil inilah data boleh berubah daripada sekadar angka kepada asas keputusan yang lebih bijaksana.

Rujukan

Department of Statistics Malaysia (DOSM). (n.d.). Statistical Literacy. https://www.dosm.gov.my/portal-main/celikstatistik?content_type=objective

Department of Statistics Malaysia (DOSM). (2026). OpenDOSM Data Catalogue. https://open.dosm.gov.my/data-catalogue

“Nanti saya buat.” Ayat ini pendek, mudah disebut dan kadangkala sangat melegakan. Tugasan yang belum disentuh terasa jauh seketika. E-mel yang perlu dibalas boleh menunggu. Fail yang perlu disemak boleh dibuka esok. Nota kuliah pula akan dibaca apabila “mood” sudah datang. Masalahnya, esok juga mempunyai senarai tugasnya sendiri. Akhirnya, perkataan “nanti” yang sepatutnya memberi ruang berehat bertukar menjadi tempat kita menyimpan kerja yang tidak mahu dihadapi.

Bertangguh bukan semestinya tanda seseorang itu malas. Ada masanya kita menangguhkan tugas kerana penat, keliru, takut hasilnya tidak cukup baik atau tidak tahu hendak bermula dari mana. Ada juga tugasan yang kelihatan terlalu besar sehingga otak memilih perkara yang lebih ringan: menyusun meja, melihat telefon atau menonton satu video yang akhirnya bersambung menjadi sepuluh.

Merdeka daripada “Nanti”

Oleh: Zuraira Libasin & Noor Azizah Mazeni



Apabila “nanti” mula mengawal hari

Bertangguh biasanya datang dengan satu janji halus: kita masih akan menyiapkan kerja itu, cuma bukan sekarang. Sebab itulah ia sukar disedari. Kita tidak menolak tugasan tersebut sepenuhnya; kita hanya memindahkannya sedikit demi sedikit. Namun, setiap penangguhan membawa beban kecil ke dalam fikiran. Walaupun sedang berehat, kita tetap teringat perkara yang belum selesai.

Ironinya, kerja yang ditangguhkan jarang menjadi lebih mudah. Tarikh akhir semakin dekat, pilihan semakin sempit dan kita mula bekerja dalam keadaan tergesa-gesa. Apabila hasilnya kurang memuaskan, kita berkata, “Kalaulah aku mula lebih awal.” Kemudian kitaran yang sama berulang pada tugasan seterusnya.

“Kita tidak perlu menunggu rasa bersedia sepenuhnya. Kadangkala, rasa bersedia itu muncul selepas kita mula bergerak.”

Jangan tunggu semangat datang

Ramai antara kita percaya bahawa kerja yang baik memerlukan semangat yang tinggi. Sebenarnya, semangat berubah-ubah. Jika kita hanya bekerja ketika berasa rajin, banyak perkara penting akan tertangguh. Cara yang lebih realistik ialah mengecilkan pintu masuk kepada sesuatu tugas. Bukan “siapkan laporan”, tetapi “buka fail dan tulis tajuk”. Bukan “ulang kaji satu bab”, tetapi “jawab satu soalan”. Bukan “kemas seluruh bilik”, tetapi “susun meja selama lima minit”.

Langkah kecil mungkin kelihatan tidak hebat, tetapi ia memecahkan kebekuan. Selepas bermula, kita biasanya lebih mudah meneruskan kerja kerana tugasan itu sudah tidak lagi berada di dalam imaginasi. Kita dapat melihat apa yang perlu dibuat, membetulkan kesilapan dan menganggarkan masa dengan lebih jujur.



Lima cara untuk keluar daripada perangkap "nanti"

1. ***Kecilkan tugasan***
   Pecahkan kerja besar kepada tindakan yang boleh dilakukan sekarang. Jika langkah pertama masih terasa berat, kecilkan lagi.

2. ***Tetapkan masa mula***
   "Saya akan mula pada pukul 9.00 malam" lebih jelas daripada "saya buat malam nanti".

3. ***Gunakan sepuluh minit pertama***
   Berjanji untuk fokus selama sepuluh minit sahaja. Selepas itu, pilih sama ada mahu berhenti atau meneruskan

4. ***Jauhkan gangguan***
   Letakkan telefon di tempat lain, tutup tab yang tidak berkaitan dan sediakan bahan yang diperlukan sebelum bermula.

5. ***Raikan kemajuan, bukan kesempurnaan***
   Draf yang belum sempurna masih boleh diperbaiki. Halaman kosong tidak memberi kita apa-apa untuk disemak.

Berehat juga satu keperluan

Mengatasi tabiat bertangguh bukan bermaksud kita perlu bekerja tanpa henti. Rehat yang dirancang membantu tubuh dan fikiran pulih. Perbezaannya terletak pada niat. Rehat yang sihat mempunyai sempadan dan membuatkan kita kembali dengan tenaga yang lebih baik. Bertangguh pula sering membuatkan kita "berehat" sambil rasa bersalah kerana tugas masih menunggu.

Kita juga perlu berlaku jujur terhadap kemampuan sendiri. Jika jadual terlalu padat, penyelesaiannya mungkin bukan bekerja lebih laju, tetapi mengurangkan komitmen, meminta bantuan atau menyusun semula keutamaan. Disiplin bukan sekadar memaksa diri; disiplin juga bermaksud mengetahui bila perlu bergerak dan bila perlu berhenti.

Kemerdekaan bermula dengan pilihan kecil

Kemerdekaan sering dikaitkan dengan kebebasan sebuah negara menentukan hala tujunya. Dalam kehidupan peribadi, kita juga memerlukan kebebasan daripada kebiasaan yang mengawal masa dan keputusan kita. Tabiat bertangguh mungkin kelihatan kecil, tetapi apabila dibiarkan, ia boleh menentukan kualiti kerja, ketenangan fikiran dan keyakinan terhadap diri sendiri.

Kita tidak perlu berubah secara drastik dalam sehari. Cukuplah dengan satu tugas yang dimulakan lebih awal, satu e-mel yang terus dijawab atau satu halaman yang disiapkan sebelum membuka media sosial. Setiap kali kita memilih untuk bermula, kita sedang mengambil semula sedikit kawalan terhadap masa kita.

Jadi, apabila perkataan "nanti" muncul lagi, berhenti seketika dan tanyakan: apakah perkara paling kecil yang boleh aku lakukan sekarang? Kemudian, lakukan perkara itu. Barangkali kemerdekaan daripada bertangguh tidak bermula dengan semangat yang luar biasa. Ia bermula dengan satu langkah sederhana—tetapi dibuat hari ini.

WARISAN PUSAKA MERDEKA-69

NOR HANIM BINTI ABD. RAHMAN



Di tanah pusaka tempat tumpah darah,
pernah engkau melangkah gagah,
meninggalkan keluarga, meninggalkan resah,
demi watan tercinta, bebas daripada penjajah.

Tiada kau pinta bintang mahupun pujian,
tiada kau dambakan sanjungan,
hanya setia menjadi pegangan,
demi nusa, bangsa … demi kemerdekaan.

Ada yang pulang membawa luka,
ada yang pergi tanpa bersua,
ada yang gugur di medan perwira,
namun baktimu kekal sepanjang masa.


Di sebalik perjuangan seorang wira,
tersimpan air mata ibu jua keluarga,
doa sang isteri yang tiada bertepi,
anak-anak yang menanti dengan penuh setia.

Kini kami hidup di bumi merdeka,
menjejak tanah yang dahulu kau pertahankan,
menimba ilmu, mengejar cita,
di bawah langit yang bebas dan aman.

Wahai pejuang, wahai wira bangsa,
Ketahuilah, jasamu tiada ternilai harganya,
Setiap kibaran Sang Saka, setiap laungan “Merdeka!”,
Tanda jasamu dikenang selamanya.

Andai dahulu darahmu menjadi saksi,
hari ini kami pula memikul janji:
akan kami pelihara watan ini sepenuh hati,
agar pusaka merdeka terus diwarisi.
Kerana merdeka bukan sekadar nama,
bukan sekadar sejarah yang dibaca,
tetapi amanah yang wajib dijaga serta dikota,
daripada generasi ke generasi, selamanya.

Buatmu, para pejuang tanah air tercinta,
jasamu kami junjung, baktimu kami kenang,
namamu kami semat di sanubari,
selagi mentari menyinari bumi pertiwi.
Selamat Hari Kebangsaan ke-69.
Merdeka! Merdeka! Merdeka!
sebuah laungan pusaka, amanah setia,
sebuah janji tersemat di setiap jiwa -
Allahu Akbar!



Nukilan: Noor 'Aina Abdul Razak

KITA BELUM MERDEKA

69 tahun berlalu sudah
Kita rasa merdeka itu indah
Hilang belenggu lesap rasa dijajah
Penguasa asing dalam lipatan sejarah
Menjadi tuan di tanah Melayu bertuah

Rupanya
Kita masih di alam mimpi yang nyata
Cengkaman penjajah masih berleluasa
Menakluk atma menawan minda
Merosak bangsa punah satu negara
Yang kita rasa sudah merdeka sekian lama

Mari kamu kemari
Berteleku sejenak kita hisab kembali
Mungkin ada sesuatu boleh dipelajari
Tidak banyak sedikit pun memadai
Biar MERDEKA serap ke sanubari

Lihat di sana
Manusia terkinja-kinja tanpa irama
Bergaul mesra merempuh susila
LGBT perkara biasa
Lelaki wanita pun sukar dibeza
Budaya siapa mereka puja?

Nun di satu sudut
Bergelempangan jasad kusyuk tawaduk
Dadah durjana disambut direbut
AIDS HIV letih disebut
Psikosis halusinasi ketagihan teruk
Dunia mereka menanti dijemput maut

Fokus matamu ke hujung jalan
Rengsa jiwa si dagang berjualan
Rakyat suruhan pendatang majikan
Tanah milik jadi taruhan
Kelaku segan merempat di tepian

Kembali ke sini usah galau
Banyak lagi ceritera lampau
Kita pribumi jangan cuba jadi perantau
Tergadai tanah cagarnya maruah
Kelam cahaya pudar kemilau
Bangun teguh bukan masanya bergurau

Kita belum lagi merdeka
Ayuh seru jiwa yang leka
Mari bertapak di bumi nyata
Bebaskan diri bebaskan minda
Dari tawanan jasad tanpa rupa
Kita mahu merdeka
Bukan sekadar laung hilang suara.

Semangat Kemerdekaan dan Jatidiri sebagai Pensyarah Akademik

OLEH: SYARUL HEIRY BIN YAHAYA



Menjelang sambutan Hari Kebangsaan yang ke 69 tahun 2026, erti kemerdekaan bagi rakyat Malaysia terus berevolusi seiring dengan kepesatan era digital. Tema kemerdekaan pada tahun ini ialah “Malaysia Madani: Kesejahteraan Dinikmati”. Bagi kita yang bergelar pendidik, khususnya di institusi pengajian tinggi, kemerdekaan bukan sekadar sorakan pembebasan daripada penjajah yang diulang pada setiap 31 Ogos. Ia merupakan satu kesinambungan perjuangan yang tidak pernah bernoktah dan perjuangan kita juga adalah untuk memerdekakan minda bangsa.

Sebagai seorang pensyarah dalam bidang akademik khususnya bidang statistik, satu disiplin yang berteraskan kejituan fakta dan logik, saya sering berfikir secara mendalam bagaimana nilai kemerdekaan ini membentuk jatidiri kita di dewan kuliah pengajaran dan juga di makmal komputer.

MEMERDEKAKAN MINDA MELALUI LITERASI DATA

Kita kini berada pada tahun 2026, era yang dipacu dengan begitu pantas oleh kecerdasan buatan (Artificial Intelligence,AI) dan lambakan maklumat digital (Big Data). Dalam konteks ini, kemerdekaan kognitif adalah benteng pertahanan utama negara. Sebagai pensyarah statistik, tanggungjawab kita melangkaui sekadar mengajar formula matematik atau cara menggunakan perisian penganalisisan data; kita sebenarnya adalah pembentuk pemikiran kritis.



Ilmu statistik melatih generasi muda untuk menapis, menilai, dan menganalisis kesahihan data. Ini adalah kemahiran kelangsungan hidup (survival skill) yang memerdekakan mereka daripada menjadi mangsa manipulasi maklumat palsu, fitnah, atau kempen sentimen yang direka untuk memecahbelahkan keharmonian masyarakat. Dengan menerapkan kemahiran membuat keputusan berasaskan bukti (evidence-based decision making), kita sedang memupuk barisan warganegara yang rasional, objektif, dan berani berdiri teguh di atas paksi kebenaran.

CABARAN PELAJAR MASA KINI: KEBEBASAN VS KEBERGANTUNGAN TEKNOLOGI

Melalui pemerhatian saya terhadap trend mahasiswa sejak kebelakangan ini, terdapat satu paradoks yang membimbangkan. Generasi pelajar hari ini sangat celik teknologi dan pantas menyerap inovasi. Namun, kemudahan seperti penjana AI dan perisian statistik automatik sering kali membuatkan mereka mengambil jalan pintas. Mereka mahukan jawapan yang pantas tanpa benar-benar memahami konsep dan proses yang berlaku di sebalik tabir data tersebut.

Di sinilah jatidiri kita sebagai pendidik diuji. Kita perlu menyedarkan mereka bahawa kebergantungan secara membuta tuli kepada teknologi adalah satu bentuk "penjajahan moden" terhadap minda. Kemerdekaan akademik yang sebenar bermaksud mereka menguasai teknologi, bukan dikuasai olehnya.



Pelajar akademik bukan sahaja dalam bidang statistik harus dididik untuk mempersoalkan anomali data, memahami andaian di sebalik setiap ujian hipotesis, dan mempunyai keyakinan untuk mencabar hasil algoritma jika ia tidak masuk akal. Membimbing mereka melepasi zon selesa ini adalah cara kita memerdekakan intelektual mereka.



INTEGRITI: TERAS PATRIOTISME AHLI AKADEMIK

Jatidiri seorang ahli akademik yang merdeka juga terletak pada integritinya. Patriotisme dalam dunia penyelidikan dan akademik tidak semestinya diukur melalui kibaran bendera atau laungan keramat di dataran. Ia diukur melalui ketelusan dan kejujuran yang diamalkan setiap kali kita menerbitkan data dan dapatan kajian.

Sebagai ahli akademik, kita membawa amanah untuk melakukan penyelidikan yang menyelesaikan masalah sebenar yang melibatkan masyarakat dan negara, dia bukannya sekadar mengejar Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator), kenaikan pangkat, atau penarafan peribadi. Menerbitkan data yang dimanipulasi (data dredging) atau bersikap tidak jujur dalam penulisan adalah satu pengkhianatan terhadap kebebasan akademik. Integriti dalam melaporkan kebenaran statistik, walaupun kebenaran itu pahit untuk diterima, adalah manifestasi cinta yang paling tinggi terhadap negara.

MEMBINA MODAL INSAN BERPAKSIKAN ACUAN SENDIRI

Akhir sekali, dewan kuliah dan bilik tutorial adalah "medan juang" bagi seorang pensyarah. Musuh yang kita tentang pada hari ini bukanlah tentera bersenjata, tetapi kejahilan, kemunduran, dan sikap mudah berpuas hati. Pemerkasaan jatidiri bermaksud kita menyedari bahawa setiap set data yang dibincangkan, setiap baris kod perisian yang diajar, dan setiap nasihat yang diberikan sedang membentuk barisan penganalisis, saintis data, dan pemimpin Malaysia untuk masa hadapan.

Kita sedang membina keupayaan negara (capacity building) supaya pada masa hadapan, Malaysia mempunyai pakarnya yang tersendiri yang mampu meramal ekonomi, merangka dasar kesihatan, dan merancang pembangunan tanpa perlu lagi bergantung sepenuhnya kepada perunding luar. Kita mahu melahirkan graduan yang acuan pemikirannya bertaraf global, namun jiwanya kekal mengakar kuat di bumi Malaysia.

Sebagai kesimpulannya, semangat kemerdekaan bagi seorang pensyarah akademik adalah komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap pencarian kebenaran, integriti ilmu, dan pembinaan karakter pelajar. Kemerdekaan minda yang kita terapkan hari ini di dewan-dewan kuliah adalah jaminan mutlak kepada kedaulatan, kelestarian, dan kemajuan Malaysia pada hari esok. **Merdeka!**



Oleh: Nurhafizah Ahmad dan Fadzilawani Astifar Alias

MERDEKA YANG SEBENARNYA



Perkongsian ilmu ini diilhamkan daripada ceramah Ustaz Azhar Idrus, "Makna Jiwa Merdeka".

Negara bebas daripada penjajahan. Tetapi, sudahkah jiwa kita benar-benar merdeka?

Setiap kali menjelang bulan kemerdekaan, kita mengenang perjuangan generasi terdahulu yang membebaskan tanah air daripada penjajahan. Jalur Gemilang dikibarkan, lagu patriotik berkumandang dan lafaz "**Merdeka**!" bergema dengan penuh semangat.

Namun, makna merdeka tidak seharusnya dilihat daripada sudut kebebasan negara semata-mata. Ada satu lagi bentuk kemerdekaan yang lebih dekat dengan diri kita, iaitu **kemerdekaan jiwa.**

Dalam satu ceramah mengenai Makna Jiwa Merdeka, Ustaz Azhar Idrus membawa maksud merdeka daripada sudut rohani. Merdeka bukanlah bererti bebas melakukan apa sahaja, tetapi **bebas daripada belenggu yang menjauhkan manusia daripada Allah**. Beliau menyebut:

"Merdeka maksudnya kita menjadi hamba Allah, barulah merdeka."

Perkongsian tersebut disampaikan dalam video **Makna Jiwa Merdeka** yang diterbitkan melalui saluran rasmi Ustaz Azhar Idrus pada **31 Ogos 2022**.

Pada pandangan pertama, ungkapan "menjadi hamba Allah" mungkin kelihatan bertentangan dengan maksud kebebasan. Namun, di situlah letaknya hakikat kemerdekaan yang sebenar. Menjadi hamba Allah bukan bererti kehilangan kebebasan. Sebaliknya, apabila seseorang benar-benar tunduk kepada Allah, dia sedang membebaskan dirinya daripada pelbagai bentuk "penjajahan" yang tidak kelihatan.

Dia tidak lagi hidup semata-mata kerana mahu dipuji manusia. Dia tidak mudah mengikut sesuatu hanya kerana orang lain melakukannya. Dia belajar mengawal nafsu, menjaga batas halal dan haram, serta berani mempertahankan perkara yang benar walaupun tidak popular.

Merdeka daripada apa?

Mungkin kita sudah bebas daripada penjajah, tetapi hati masih boleh terbelenggu.

Merdeka daripada nafsu bermaksud kita tidak melakukan semua perkara hanya kerana kita menginginkannya.

Merdeka daripada pandangan manusia bermaksud kita tidak menjadikan pujian, popularity dan penerimaan orang sebagai ukuran utama kehidupan.

Merdeka daripada budaya ikut-ikutan bermaksud kita berani bertanya sama ada sesuatu itu benar atau salah, bukan sekadar sama ada ia sedang menjadi kebiasaan.

Merdeka daripada dosa bermaksud kita berusaha meninggalkan perkara yang menjauhkan diri daripada Allah, walaupun perjuangan itu mengambil masa.

Dan **merdeka daripada kelalaian** bermaksud kita kembali mengingati tujuan sebenar kehidupan.

Allah SWT mengingatkan bahawa manusia diciptakan untuk beribadah kepada-Nya. Apabila tujuan itu jelas, kebebasan tidak lagi bermaksud "*aku boleh buat apa sahaja*". Sebaliknya, kebebasan menjadi satu amanah untuk memilih apa yang benar, baik dan diredai Allah.



Nilai sebuah kemerdekaan

*Kemerdekaan yang sebenar melahirkan **tauhid**, kerana hati hanya tunduk secara mutlak kepada Allah. Ia melahirkan **amanah**, kerana setiap kebebasan datang bersama tanggungjawab. Ia membina **maruah**, kerana manusia tidak merendahkan dirinya menjadi hamba kepada dunia. Ia juga memerlukan **keberanian**, kerana memilih jalan yang benar kadangkala bermaksud berbeza daripada orang lain.*



SEBAB ITU, SAMBUTAN MERDEKA JUGA BOLEH MENJADI RUANG UNTUK KITA BERMUHASABAH:

ADAKAH AKU SEMAKIN BEBAS DARIPADA PERKARA YANG MENJAUHKAN AKU DARIPADA ALLAH?

ADAKAH AKU MEMBUAT KEPUTUSAN KERANA PRINSIP ATAU KERANA TEKANAN MANUSIA?

ADAKAH KEBEBASAN YANG AKU MILIKI MENJADIKAN AKU INSAN YANG LEBIH BAIK?

Kemerdekaan negara ialah nikmat yang wajib disyukuri. Tetapi kemerdekaan jiwa ialah perjuangan yang perlu diteruskan setiap hari.

Negara yang merdeka memberi kita ruang untuk hidup.

Jiwa yang merdeka memberi kita arah untuk hidup.

Merdekakan jiwa daripada nafsu. Merdekakan diri daripada dosa. Merdekakan hati daripada penghambaan kepada manusia. Jadilah hamba Allah, kerana di situlah letaknya kemerdekaan yang sebenar.

Semoga kemerdekaan yang kita raikan bukan sekadar bebasnya sebuah negara, tetapi turut membebaskan jiwa untuk hidup sebagai hamba Allah yang sebenar.

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke 69.

Oleh: Fadzilawani Astifar Alias & Nurhafizah Ahmad



"MERDEKA!"

Setiap tahun kita laungkan. Tetapi… apa erti merdeka yang sebenar bagi kita? Hari ini kita bebas daripada penjajahan, tetapi masih boleh terjajah oleh minda, media sosial, gajet dan pengaruh sekeliling. Jari kita bebas scroll, like, share, komen. **Tetapi hati… bebas ke?** Kalau nak kekal merdeka, kita kena mula dari dalam.

JADI, JOM KITA ON-KAN MODE MERDEKA!

🕌 *01 IMAN ON: Bila Hati Ada Arah*

Generasi merdeka bukan generasi yang melakukan apa sahaja kerana "aku bebas". Sebaliknya, generasi merdeka ialah generasi yang tahu batas dalam kebebasan. Kita bebas memilih, tetapi kita memilih yang Allah reda. Kita bebas bersuara, tetapi kita menjaga kata-kata. Kita bebas menggunakan teknologi, tetapi kita tidak membiarkan teknologi mengawal hidup kita. Kita bebas mengejar kejayaan, tetapi kita tidak meninggalkan Tuhan. Itulah kemerdekaan yang sebenar.

Apabila iman kuat, kita tidak mudah hanyut dengan trend. Tidak semua yang viral perlu diikuti. Tidak semua yang popular itu betul. Tidak semua yang ramai buat itu baik. Iman menjadi kompas ketika dunia menawarkan terlalu banyak arah.

📚 *02 ILMU ON: Jangan Jadi Hamba Algoritma*

Hari ini, ilmu berada di hujung jari. Satu klik, kita boleh belajar sesuatu yang baharu. Satu carian, kita boleh mendapatkan pelbagai maklumat. Tetapi dalam dunia yang penuh dengan maklumat, cabaran terbesar bukan lagi "tidak tahu". Cabaran kita ialah:

"Bagaimana hendak tahu apa yang benar?"

Generasi yang merdeka perlu berani berfikir. Jangan mudah percaya. Jangan terus share. Jangan hanya ikut apa yang trending.

CHECK. THINK. VERIFY.

Gunakan ilmu untuk membina diri, bukan sekadar mengejar likes dan views. Gunakan teknologi untuk belajar, berkarya, membantu orang lain dan menyebarkan kebaikan. Kerana generasi hebat bukan sekadar generasi yang pandai menggunakan teknologi. Tetapi generasi yang tahu menggunakan teknologi dengan bijak.

✨ *03 AKHLAK ON: Apa Guna Hebat Kalau Adab Hilang?*

Kita boleh mempunyai keputusan peperiksaan yang cemerlang. Kita boleh mahir teknologi. Kita boleh mempunyai ribuan followers. Kita boleh menjadi hebat dalam pelbagai bidang. Tetapi satu persoalan tetap penting:

Bagaimana akhlak kita?

Adakah kita masih menghormati ibu dan ayah?

Adakah kita menjaga adab dengan guru?

Adakah kita bercakap dengan sopan?

Adakah kita meminta maaf apabila melakukan kesalahan?

Adakah kita membantu orang yang memerlukan?

Kerana pada akhirnya, manusia bukan hanya dinilai berdasarkan apa yang dia tahu, tetapi juga berdasarkan bagaimana dia membawa dirinya.

ILMU MENJADIKAN KITA BIJAK. **IMAN** MENJADIKAN KITA KUAT. **AKHLAK** MENJADIKAN KITA BERNILAI.

MERDEKA MODE: ON!

Jadi, tahun ini jangan sambut **Merdeka** hanya dengan bendera.

Sambut dengan perubahan diri.

🕌 **IMAN : ON! :** DEKAT DENGAN ALLAH.

📚 **ILMU : ON! :** BERFIKIR SEBELUM BERTINDAK.

✨ **AKHLAK : ON! :** HORMAT, AMANAH DAN BERADAB.

Kebangsaan Malaysia...

Oleh: Ts. Jamal Othman

Negara kita tanggungjawab kita
Kemerdekaan ini jangan dipersia
Apakah **Bunga Kebangsaan** kita?
Bunga kebangsaan Malaysia adalah
Bunga Raya

Menara Berkembar Petronas suatu kebanggaan
Terpampang megah di atas batik
Malaysia juga ada **Buah Kebangsaan**
Buah Kebangsaan Malaysia adalah
Buah Betik

Tugu Negara simbolik pejuang kemerdekaan
Penghargaan tertinggi bila diimbau
Apakah pula **Pokok Kebangsaan**?
Pokok Kebangsaan Malaysia adalah
Pokok Merbau

Dataran merdeka tempat perbarisan
Sambutan rakyat berbilang bangsa
Haiwan Kebangsaan Malaysia adalah raja hutan
Itulah **Harimau** simbol kekuatan dan kedaulatan negara

69 tahun sambutan kemerdekaan
Pelbagai agensi berkawad dan berarak
Cuba teka apakah **Burung Kebangsaan**?
Itulah **Burung Kenyalang** banyak di Sarawak





HATI MERDEKA

Sayup berangin menyapa kalbu,
Terbang belukar hilangkan sayu,
Hati merdeka tiada terbelenggu,
Bebas mengembara ke mana mahu.

Bukanlah harta menjadi tirai,
Bukan penjara yang buat terkulai,
Jiwa yang merdeka berkibar mengurai,
Laksana burung terbang melambai.

Langkah disusun tiada gentar,
Menembus malam menuju terang,
Bebas berpikir, megah berkibar,
Hati yang bebas takkan terhalang.

Tinggi melangit mencium awan,
Bebas bernafas di ruang Tuhan,
Tiada belenggu, tiada beban,
Merdeka sejati sepanjang zaman.

Nukilan: Fuziatul Norsyiha

Alunan Merdeka Dalam Wajah Berbeza

OLEH: NORAZAH UMAR

Setiap kali menjelang Bulan Kebangsaan, radio, televisyen dan media sosial kembali diwarnai lagu-lagu patriotik. Ada yang mengalun syahdu, ada yang megah, dan ada juga yang hadir dengan rentak moden sehingga membuatkan kita turut sama menyanyi.

Bagi mereka yang membesar pada era 1980-an dan 1990-an, lagu-lagu patriotik lama tentu membawa kenangan tersendiri. Bait dalam Malaysia Berjaya, “Dari Perlis sampailah ke Sabah kita sudah merdeka”, misalnya, mengimbau nostalgia perhimpunan sekolah, kibaran Jalur Gemilang dan suara murid-murid menyanyi beramai-ramai. Generasi hari ini pula membesar dengan lagu patriotik yang berbeza wajahnya, lebih rancak, santai dan dekat dengan cita rasa muzik semasa. Namun, perbezaan itu bukan sekadar soal rentak. Seperti karya seni yang lain, lagu patriotik turut mencerminkan zaman yang melahirkannya. Dahulu, patriotisme banyak disampaikan melalui perjuangan, pengorbanan dan kesetiaan. Kini, semangat yang sama lebih kerap diterjemahkan melalui perpaduan, kebersamaan dan harapan terhadap masa depan.



Lagu-lagu patriotik terdahulu, khususnya sekitar dekad 1960-an hingga 1990-an, lahir ketika kenangan terhadap perjuangan kemerdekaan dan pembentukan negara masih segar dalam ingatan masyarakat. Tidak hairanlah banyak karya ketika itu menggunakan bahasa yang puitis, formal dan sarat dengan perlambangan. Lagu seperti Bahtera Merdeka dan Warisan membawa pendengar kepada pengertian kemerdekaan yang erat dengan pengorbanan. Nyanyian Allahyarham Dato’ Sudirman Haji Arshad dalam lagu Warisan menggambarkan bahawa cinta kepada tanah air bukan sekadar perasaan, tetapi turut menuntut tanggungjawab dan kesediaan untuk mempertahankannya. Selain daripada itu lagu Setia yang dipopularkan oleh Francissca Peter pula mengangkat nilai kesetiaan dan kebersamaan terhadap negara.

Namun, tidak semua lagu patriotik terdahulu bernada serius. Tanggal 31, yang turut dipopularkan oleh Dato’ Sudirman, hadir dengan rentak ceria dan semangat meraikan kemerdekaan. Lagu ini kekal popular sehingga hari ini dan hampir tidak pernah terpisah daripada sambutan Bulan Kebangsaan, menjadikannya antara lagu patriotik yang berjaya merentas generasi. Saya Anak Malaysia nyanyian Dr Sam Rasputin pula membawa pendekatan yang lebih santai dan bersahaja. Ungkapan “Saya Anak Malaysia” yang ringkas dan mudah diingati seolah-olah menjawab persoalan “Siapa aku?”, sekali gus menjadikan semangat cintakan negara terasa dekat dengan rakyat biasa.

Memasuki abad ke-21, khususnya sejak dekad 2010-an, bunyi patriotisme Malaysia mula berubah. Generasi baharu membesar dalam suasana yang jauh berbeza daripada generasi pasca-kemerdekaan. Bagi kebanyakan mereka, perjuangan menuntut kemerdekaan ialah sejarah yang dikenali melalui buku, dokumentari dan cerita generasi terdahulu. Cabaran mereka pula lebih berkisar tentang perpaduan, identiti, teknologi, kemajuan dan masa depan negara.

Perubahan ini turut tercermin dalam lagu patriotik masa kini. Kita Punya Malaysia oleh Bunkface, misalnya, hadir dengan rentak pop-rock yang rancak dan bahasa yang lebih langsung. Semangat perjuangan masih ada, tetapi bentuknya berubah. Tumpuannya bukan lagi kepada perjuangan membebaskan negara, sebaliknya kepada usaha membina masa depan dan bersatu sebagai rakyat Malaysia. Jika lagu terdahulu banyak mengajak kita menoleh ke belakang dan mengenang pengorbanan, lagu hari ini lebih cenderung mengajak kita melihat ke hadapan.

Cara kepelbagaian masyarakat diraikan juga semakin terbuka. Genre muzik patriotik kini merangkumi pop-rock, hip-hop, rap, indie dan pelbagai unsur kontemporari yang lebih dekat dengan generasi semasa serta dunia media sosial. Semangat patriotisme turut menjadi lebih peribadi. Penggunaan kata seperti “aku” dan “kita”, seperti dalam lagu tema Hari Kebangsaan 2026, Aku Berjanji, menjadikan hubungan antara individu dengan negara terasa lebih dekat. Cinta kepada tanah air bukan hanya seruan kepada masyarakat, tetapi juga sebuah janji yang boleh bermula daripada diri sendiri.

Apabila membandingkan lagu patriotik dahulu dengan sekarang, mungkin ada yang merasakan lagu lama lebih mendalam manakala lagu moden lebih mementingkan hiburan. Namun, setiap generasi mempunyai bahasa emosinya sendiri. Generasi terdahulu memahami patriotisme melalui pengalaman yang lebih dekat dengan perjuangan dan pembentukan negara. Generasi hari ini pula berhadapan dengan persoalan bagaimana mahu mengekalkan keharmonian, membina masa depan dan memastikan Malaysia terus maju. Apabila bahasa patriotisme berubah, tidak semestinya rasa cinta terhadap negara semakin berkurang. Yang berubah mungkin hanyalah cara rasa itu diluahkan.

Lagu dahulu memberikan kita akar, sementara lagu hari ini memastikan akar itu terus tumbuh dalam zaman yang berbeza. Lagu patriotik bukan sekadar lagu latar sepanjang bulan Ogos, tetapi juga catatan tentang bagaimana rakyat Malaysia melihat negaranya pada sesuatu zaman. Ada generasi yang mengenal Merdeka melalui alunan syahdu dan koir megah di dewan sekolah. Ada pula yang menyanyikannya melalui gitar elektrik, rentak pop-rock dan muzik yang tular di media sosial.



Evolusi irama patriotik: Daripada kaset dan piring hitam era 80-an hingga ke platform penstriman moden.

Semuanya berbeza, tetapi menuju kepada rasa yang sama. Mungkin itulah keindahan lagu patriotik Malaysia. Kita tidak perlu memilih antara yang lama dengan yang baharu. Lagu terdahulu mengingatkan kita tentang perjalanan yang telah dilalui, manakala lagu hari ini mengajak kita memandang perjalanan yang masih panjang di hadapan. Kerana pada setiap zaman, Malaysia mempunyai iramanya sendiri dan selagi irama itu masih membuatkan kita mahu menyanyi bersama, semangat Merdeka tidak pernah kehilangan suaranya.

MENELUSURI ERTI KEMERDEKAAN MENERUSI *LAYAR PERAK*

Oleh: Norshuhada Samsudin & Sharifah Sarimah

Di Malaysia, bulan Ogos merupakan bulan yang membawa satu aura dan semangat yang berbeza berbanding bulan-bulan lain. Ia bukan sekadar bulan yang meriah dengan kibaran Jalur Gemilang malah laungan "**Merdeka**" juga turut bergema. Kemerdekaan merupakan satu penghayatan yang mendalam dalam jiwa seseorang. Namun, seiring dengan peredaran zaman masa kini, bagaimana cara untuk kita memastikan setiap generasi benar-benar menghayati erti sebenar kemerdekaan?

Salah satu medium yang relevan dan dekat dengan jiwa Masyarakat masa kini Adalah melalui penceritaan di layer perak. Filem-filem tempatan yang berunsurkan semangat bukan sahaja menyajikan kualiti sinematografi yang hebat, malah bertindak sebagai kapsul masa yang membawa kita kembali ke era di mana kebebasan dan keamanan hari ini dibayar dengan keringat, darah, serta air mata.


Bagi menyemarakkan lagi semangat cintakan negara, kami senaraikan beberapa judul filem patriotik yang boleh di tonton dan yang pastinya akan meniup kembali semangat membara dan rasa bangga yang mendalam terhadap tanah air kita. **MALAYSIA.**



1957: Hati Malaya (2007)

Filem lakonan Rusdi Ramli, Maya Karin, Adlin Aman Ramlie, Sharifah Amani dan Douglas Lim ini mengisahkan tentang lima anak muda pelbagai latar belakang yang bekerjasama menerbitkan buku bergambar 1957 - Hati Malaya. Melalui projek tersebut, mereka mula mendalami sejarah dan menemui erti sebenar pengorbanan serta patriotisme. Pada masa yang sama, filem ini menyoroti kisah perjuangan tokoh kemerdekaan, khususnya Tunku Abdul Rahman dan Datuk Onn Ja'afar, dalam membangkitkan semangat nasionalisme serta menuntut kemerdekaan daripada penjajah British.

Bukit Kepong (1981)



Filem ini berdasarkan peristiwa sebenar yang berlaku pada tahun 1950. Ia merakamkan pertempuran berdarah yang berlaku di Balai Polis Bukit Kepong, Johor. Filem ini juga menunjukkan semangat juang yang luar biasa bagi 18 orang anggota polis dan penduduk tempatan yang mempertahankan tanah air hingga ke titisan darah terakhir meskipun dikepung oleh 180 pengganas komunis. Pelakon utama dalam filem ini adalah Jins Shamsuddin, A.Rahim dan Hussein Abu Hassan serta beberapa pelakon pembantu yang lain.



Leftenan Adnan (2000)

Filem biopik ini mengisahkan perjalanan wira negara, Leftenan Adnan Saidi, yang nekad menyertai Askar Melayu pada tahun 1934 dan pantas menempa nama kerana ketokohan serta keberaniannya. Kemuncak penceritaan memaparkan pengorbanan epik beliau yang berjuang bermati-matian hingga ke nafas terakhir bagi mempertahankan tanah air daripada kemaraan tentera Jepun dalam pertempuran bersejarah di Bukit Candu. Filem menarik lakonan Hairie Othman dan Umie Aida ini sering mendapat tempat di hati Masyarakat pelbagai bangsa.

Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022)



Berlatarbelakangkan sekitar tahun 1892 di Pahang, filem arahan pengarah terkenal, Syamsul Yusof ini mengisahkan tentang kebangkitan pahlawan Melayu, Mat Kilau, bersama bapanya Tok Gajah dan rakan-rakan seperjuangan menentang penjajah British. Ia memaparkan keberanian dan semangat bersatu padu masyarakat tempatan yang bangkit memberontak demi mempertahankan hasil bumi, maruah agama, serta kedaulatan tanah air daripada penindasan dan campur tangan empayar British. Filem ini dibintangi oleh Adi Putra, Beto Kusyairy, Fattah Amin, Yayan Ruhian dan Johan As'ari serta beberapa pelakon lain.

Tanda Putera (2013)




Filem ini mengisahkan tentang perjuangan serta persahabatan akrab antara dua pemimpin negara, Tun Abdul Razak (Rusdi Ramli) dan Tun Dr. Ismail (Zizan Nin), dalam usaha memulihkan keamanan serta perpaduan kaum berikutan peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Kedua-dua tokoh tersebut menunjukkan pengorbanan yang tinggi kerana sanggup merahsiakan penyakit kritikal masing-masing iaitu leukemia dan sakit jantung demi memikul amanah negara menerusi penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), Rukun Negara, dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sehingga ke akhir hayat mereka. Di samping itu, Faezah Elai (Toh Puan Rahah), Linda Hashim (Toh Puan Norashikin), dan Norman Hakim (Tun Hanif Omar) turut berlakon dalam filem ini.

Sarjan Hassan (1958)



Diadaptasi daripada kisah benar sewaktu Perang Dunia Kedua, Sarjan Hassan (1958) mengisahkan perjuangan Hassan yang dilakonkan oleh P. Ramlee, seorang pemuda kampung yang sering dibuli oleh abang angkatnya, Aziz (Jamil Sulong), sebelum dia nekad menyertai Rejimen Askar Melayu demi membuktikan keberaniannya dan mempertahankan tanah air daripada pendudukan Jepun. Diiringi barisan pelakon seperti Saadiah (Salmah), Salleh Kamil (Buang/Pembelot), dan S. Kadarisman (Kapten Tanaka), Hassan membuktikan kepimpinannya sehingga dinaikkan ke pangkat Sarjan, manakala konflik peribadinya memuncak apabila dia bukan sahaja perlu menentang tentera penceroboh tetapi juga menghadapi pengkhianatan Buang serta kedengkian Aziz demi menyelamatkan kampung halaman dan cinta hatinya.

Embun (2002)



Filem ini mengisahkan tentang perjuangan Embun (Umi Aida), seorang gadis Melayu berjiwa kental, dalam usahanya membebaskan abangnya Bayu (Hani Mohsin) yang ditangkap oleh tentera penceroboh Jepun sewaktu Perang Dunia Kedua. Di samping barisan pelakon seperti Aqasha (Koishi, penterjemah tentera Jepun yang bersimpati), Izi Yahya (Leftenan Akishi), Ahmad Tarmimi Siregar (Jeneral Kurugawa), Rahim Razali (Pak Harun), Khatijah Tan (Mak Temah), dan Ellie Suriaty (Melati), filem arahan Erma Fatima ini menonjolkan keberanian serta pengorbanan wanita dalam menentang penindasan, konflik cinta merentasi bangsa, dan semangat patriotisme demi maruah keluarga serta tanah air.



Ola Bola (2016)

Ola Bola (2016) mengisahkan tentang perjuangan dan semangat perpaduan skuad bola sepak kebangsaan Malaysia yang diterajui oleh Kapten Chow Kwok Keong atau "Tauke" (JC Chee), penjaring gol, Eric (Luqman Hafidz), dan penjaga gol berbakat, Muthu (Saran Kumar) dalam kelayakan Sukan Olimpik 1980. Di samping barisan pelakon seperti Bront Palarae (Rahman, pengulas sukan), Marianne Tan (Chow Mei Ling), Eric Kee (Jurulatih Harry Mountain), dan Mark Williams (Jurulatih Frank), filem arahan Chiu Keng Guan ini menunjukkan bagaimana barisan pemain pelbagai latar belakang mengatasi masalah kewangan, konflik keluarga, serta perbezaan kaum demi menyatukan hati seluruh rakyat Malaysia dan membawa nama negara ke persada dunia.

Paskal The Movie (2018)

Perjuangan Komander Arman Rahmat yang dilakonkan oleh Hairul Azreen, seorang pegawai unit elit Pasukan Khas Laut (PASKAL) Tentera Laut Diraja Malaysia, yang berdepan dilema antara meneruskan perkhidmatan atau bersara demi menjaga ibunya selepas kematian rakan seperjuangannya. Di samping barisan pelakon seperti Ammar Alfian (Jeb, bekas anggota PASKAL yang berpaling tadah menjadi lanun), Henley Hii (Joshua), Taufiq Hanafi (Mami), Gambit Saifullah (Gagak), Theeban G (Sanjiv), Jasmine Suraya Chin (Lily), dan Namron (Komander Maznan), filem ini mengisahkan tentang keberanian serta pengorbanan Pasukan PASKAL dalam menjalankan misi rampasan semula kapal tangki yang ditawan lanun di perairan antarabangsa demi mempertahankan kedaulatan negara.



MALBATT: MISI BAKARA (2023)



Filem ini mengisahkan tentang keberanian dan pengorbanan 19 anggota Pasukan Pengaman Batalion Malaysia (MALBATT) yang dipimpin oleh Leftenan Kolonel Ramon yang dilakonkan oleh Bront Palarae, Mejar Badrul (Shaheizy Sam), Leftenan Ghani (Hairul Azreen), dan Lans Koperal Ramlee (Zizan Razak) sewaktu menjalankan misi menyelamat tentera Amerika Syarikat yang terperangkap di Pasar Bakara, Mogadishu, Somalia pada tahun 1993. Di samping barisan pelakon seperti Fauzi Nawawi (Mejar Sufri), Adlin Aman Ramlie (Kolonel Askhar), Izzue Islam (Koperal Hassan), Zahiril Adzim (Dahlan), dan Tony Eusoff (Major Jonathan), filem arahan Adrian Teh ini menggambarkan situasi pertempuran sebenar yang tegang di mana tentera Malaysia mempertaruhkan nyawa demi amanah pertubuhan PBB serta membuktikan kepahlawanan dan semangat juang yang tinggi di mata dunia.

Kesimpulannya, filem-filem ini membuktikan bahawa perjuangan mempertahankan tanah air boleh diterjemahkan dalam pelbagai bentuk. Filem-filem ini bukan sekadar rakaman sejarah atau hiburan kosong, sebaliknya ia adalah medium yang mengingatkan kita bahawa keamanan, perpaduan, dan kebebasan yang kita kecapi pada hari ini tidak datang dengan mudah. Ia dicapai melalui pengorbanan dan usaha yang sangat tinggi oleh generasi terdahulu.

Akhir kata dari kami, selamat menonton untuk semua!

Sumber carian daripada laman web : Filem-filem Patriotik

Bicara Penuh Makna

Wan Nur Shaziayani



Melakar pertemuan di kertas
detik bersejarah mendengar suara
bukan rahsia lagi
MERDEKA!

Di bawah panji-panji berkibaran
mencoret momen-momen penuh
makna
di bawah lindungan raja-raja
berdaulat
tangan diangkat lurus
MERDEKA!

Realiti bukan fantasi
cuba menegakkan satu negara satu
bangsa
satu titik mula menjadi saksi
seruan tidak lagi bisu
wira-wira berpamitan gagah
di bawah satu rasa
MERDEKA!

Masa terus berjalan deras atau perlahan
jangan toleh belakang
sejarah dahulu tinggal
menjadi pengajaran diri
bahawa setiap usaha
adalah jejantas menuju keunggulan bangsa

Teladan sempadan segala
kutip buat penilaian
hitung setiap penjuru langkah
bergabung menjulang keyakinan
membina harapan menggunung
dalam satu laungan
MERDEKA!

Kita generasi pewaris
kita penjulang maruah negara
mewarnai hala tuju bangsa
kita bersatu dalam satu suara
MERDEKA!

Merdeka daripada Ketakutan terhadap Matematik

Zuraira Libasin & Nur Azimah Idris





Setiap kali bulan Ogos tiba, perkataan merdeka hadir dalam pelbagai bentuk seperti pada bendera yang berkibar, lagu patriotik yang kembali kedengaran dan kisah perjuangan yang mengingatkan kita tentang harga sebuah kebebasan. Namun, makna merdeka tidak semestinya berhenti pada sejarah sebuah negara. Dalam pendidikan, merdeka juga boleh bererti membebaskan diri daripada ketakutan, label dan kepercayaan yang mengehadkan kemampuan untuk belajar.

Dalam matematik, satu 'penjara' yang sangat mudah terbina ialah ayat, "Saya memang tak pandai Matematik." Ayat ini kelihatan kecil, tetapi apabila diulang terlalu lama, ia boleh berubah menjadi identiti. Sebelum soalan dibaca sepenuhnya, pelajar sudah menjangka kegagalan. Sebelum formula dicuba, hati sudah berkata bahawa jawapannya pasti salah. Akhirnya, yang menghalang pembelajaran bukan semata-mata nombor, simbol atau persamaan, tetapi rasa takut yang datang lebih awal.

Ketakutan yang muncul sebelum soalan bermula

Kebimbangan terhadap matematik bukan perkara yang remeh. PISA 2022 menunjukkan bahawa negara dan ekonomi yang mencatat tahap kebimbangan matematik yang lebih tinggi secara purata cenderung mempunyai prestasi matematik yang lebih rendah (OECD, 2023). Hubungan ini tidak bermaksud setiap pelajar yang cemas pasti lemah, tetapi ia mengingatkan kita bahawa emosi mempunyai tempat dalam proses pembelajaran. Apabila terlalu takut untuk salah, sebahagian tenaga mental digunakan untuk memikirkan kegagalan, bukan untuk memahami masalah di hadapan mata.


Sebab itu, langkah pertama untuk 'merdeka' dalam matematik bukanlah menghafal lebih banyak formula. Langkah pertama ialah mengubah dialog dengan diri sendiri. Daripada "Aku tak pandai", cuba tukarkan kepada "Bahagian mana yang aku belum faham?" Perubahan satu perkataan daripada tidak pandai kepada belum faham telah membuka ruang untuk belajar. 'Tidak pandai' terasa seperti hukuman kekal. 'Belum faham' pula membawa maksud bahawa perjalanan masih boleh diteruskan.

Merdeka daripada takut melakukan kesilapan

Matematik mempunyai satu sifat yang kadangkala membuatkan pelajar berasa terdedah: jawapan yang salah kelihatan jelas. Dalam esei, kita mungkin boleh membina hujah daripada beberapa sudut. Dalam pengiraan, satu tanda negatif yang tertinggal boleh mengubah jawapan akhir. Lalu kesilapan mudah dianggap sebagai bukti bahawa seseorang 'tidak berbakat'. Sebenarnya, kesilapan lebih berguna jika dilihat sebagai maklumat. Ia menunjukkan titik tepat tempat pemahaman mula tersasar.

Bayangkan seorang pelajar yang memperoleh jawapan salah kerana tersilap memilih formula. Jika dia hanya memadam jawapan itu dan menyalin penyelesaian yang betul, peluang belajar mungkin hilang. Tetapi jika dia berhenti dan bertanya, "Mengapa formula ini tidak sesuai?", kesilapan tadi berubah menjadi bahan pembelajaran. Kemerdekaan dalam matematik bermula apabila kita berani melihat semula kesilapan tanpa malu dan tanpa cepat menghukum diri.

"Merdeka dalam matematik bermula apabila kita berhenti berkata 'aku tak pandai' dan mula bertanya 'bahagian mana yang belum aku faham?'"



Merdeka daripada perlumbaan untuk menjadi paling cepat


Kita juga perlu membebaskan matematik daripada anggapan bahawa pelajar yang paling cepat menjawab ialah pelajar yang paling memahami. Ada pelajar yang pantas kerana sudah biasa dengan corak soalan. Ada pula yang memerlukan masa lebih panjang kerana dia sedang membina hubungan antara konsep. Kedua-duanya boleh belajar dengan baik. Kelajuan ialah satu kemahiran, tetapi ia bukan satu-satunya ukuran kefahaman.

Dalam pembelajaran yang sihat, soalan "Kenapa?" sama penting dengan "Berapa jawapannya?" Mengapa kita menggunakan kaedah ini? Mengapa andaian tertentu diperlukan? Mengapa jawapan itu munasabah atau tidak munasabah? Apabila pelajar mula bertanya soalan seperti ini, matematik berubah daripada aktiviti mengejar jawapan kepada latihan berfikir. Pada ketika itu, satu soalan bukan lagi sekadar ruang kosong yang perlu diisi dengan nombor, tetapi satu masalah yang perlu difahami.

Teknologi: rakan belajar, bukan tongkat

Generasi hari ini mempunyai akses kepada kalkulator, video, aplikasi pembelajaran dan kecerdasan buatan (AI) dalam beberapa sentuhan. Kemudahan ini boleh membantu seseorang 'merdeka' daripada batas tertentu. Contohnya mendapat penerangan tambahan apabila malu untuk bertanya atau melihat satu konsep melalui representasi yang berbeza. Tetapi teknologi juga boleh menjadi bentuk kebergantungan baharu jika ia digunakan hanya untuk mendapatkan jawapan akhir.

Soalan yang lebih bermakna untuk ditanya kepada teknologi ialah, "Tunjukkan mengapa langkah saya salah", "Beri petunjuk tanpa memberikan jawapan akhir", atau "Terangkan konsep ini menggunakan contoh yang lebih mudah". Selepas itu, tutup bantuan dan cuba semula sendiri. Teknologi sepatutnya memperluas keupayaan berfikir, bukannya mengambil alih tanggungjawab untuk berfikir. Pelajar yang benar-benar merdeka bukan pelajar yang tidak menggunakan bantuan; dia ialah pelajar yang tahu bila bantuan diperlukan dan bila dia perlu berdiri semula dengan usahanya sendiri.



Apa rupa seorang pelajar yang sudah 'merdeka'?

Dia tidak semestinya memperoleh markah penuh. Dia juga tidak semestinya menyukai setiap topik. Tetapi dia berani memulakan soalan yang sukar. Dia boleh mengakui, "Saya tak faham bahagian ini", tanpa menganggap pengakuan itu sebagai kelemahan. Dia menyemak semula jawapan, membandingkan kaedah, bertanya apabila buntu dan cuba sekali lagi selepas kesilapan. Yang paling penting, dia tidak lagi membenarkan satu keputusan ujian menentukan keseluruhan identitinya sebagai seorang pelajar.

Bagi pendidik pula, usaha memerdekakan pelajar daripada ketakutan terhadap matematik menuntut lebih daripada menerangkan formula dengan jelas. Kita perlu membina ruang yang membenarkan pelajar bertanya tanpa dipermalukan, mencuba tanpa takut dicop lemah dan menerima maklum balas yang membantu mereka melihat langkah seterusnya. Tegas terhadap usaha dan ketepatan tidak bercanggah dengan empati. Malah, kedua-duanya perlu berjalan bersama.

Merdeka untuk mencuba

Kemerdekaan sebuah negara memberi kita ruang untuk menentukan arah sendiri. Dalam skala yang jauh lebih kecil, kemerdekaan dalam pembelajaran matematik juga memberi seseorang keberanian untuk menentukan langkah seterusnya: mencuba, gagal, menyemak dan mencuba lagi. Kita tidak perlu menunggu sehingga rasa takut hilang sepenuhnya. Kadang-kadang keberanian datang dahulu, dan keyakinan menyusul kemudian.

Sempena ulang tahun kemerdekaan ke-69, mungkin ada satu bentuk kemerdekaan yang boleh kita hadiahkan kepada diri sendiri dan kepada pelajar: kemerdekaan daripada ayat "aku memang tidak boleh". Gantikan dengan satu ayat yang lebih jujur dan lebih membuka jalan iaitu "aku belum faham, tetapi aku boleh cuba lagi." Dalam matematik, seperti juga dalam kehidupan, kebebasan untuk terus mencuba mungkin merupakan permulaan kepada perubahan yang paling besar.

Rujukan
Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). (2023). PISA 2022 Results (Volume I): The State of Learning and Equity in Education. OECD Publishing. https://doi.org/10.1787/53f23881-en



Jalur Gemilang

Mekar indah bunga kemuning,
Hiasan sanggul gadis jelita;
Merah, putih, biru dan kuning,
Megah berkibar bendera kita.

Bunga melur harum baunya,
Petik sekuntum di waktu pagi;
Empat warna bersatu padunya,
Tanda negara berdaulat tinggi

Jalur Gemilang berkibar megah,
Ditiup angin di pagi hari;
Lambang negara gagah dan indah,
Menjadi kebanggaan di dalam hati.

Manis rasa buah ceri,
Dipetik anak di pagi hari;
Empat belas jalur lambang harmoni,
Penyatu rakyat berbilang negeri.

Indah mekar bunga melati,
Pati harum dipersolek puteri;
Jalur Gemilang disanjung tinggi,
Simbol kedaulatan tanah pertiwi.

Indah sungguh bulan purnama,
Cahaya terang menyinari laman;
Di bawah bendera kita bersama,
Bina negara teguh dan aman

Nukilan: Ts Azlina Binti Mohd Mydin &
Ts Wan Anisha Wan Mohammad

PANTUN KEMERDEKAAN 2026

Mohd Fahmi Zahari

Berkibar megah Jalur Gemilang,
Disinari matahari di hujung titi,
Semangat merdeka terus dijulang,
Tema Malaysia MADANI, kesejahteraan dinikmati.

Burung tempua terbang berjajar,
Hinggap sebentar di tepi paya,
Generasi MADANI terus belajar,
Membina Malaysia unggul dan berjaya.

Mencari umpan menangkap ikan,
Buat santapan orang berkelana,
Laungan Merdeka suara sorakan,
31 Ogos hari peristiwa bermakna.

Pergi ke pekan membeli delima,
Dua tambah lapan jawabnya sepuluh,
Semangat merdeka kekal bersama,
Rakyat bersatu negara kekal utuh.



Naik basikal ke Taman Murni,
Empat kali lima hasilnya dua puluh;
Malaysia MADANI terus harmoni,
Kesejahteraan rakyat menjadi teguh.

Pagi hari memetik selasih,
Selasih tumbuh di tepi laman,
Kemerdekaan kita warisan kasih,
Perlu dijaga sepanjang zaman.

Merdeka! Merdeka! Merdeka!

Pantun Prinsip Rukun Negara

Ts. Jamal Othman

Prinsip Pertama Rukun Negara, **Kepercayaan Kepada Tuhan**
Ugama Islam Ugama Rasmi negara Malaysia
Kemerdekaan ini tiada nilainya dan wajib dipertahan
Jangan pergadai maruah negara dipersia-sia

Prinsip Kedua Rukun Negara, **Kesetiaan Kepada Raja dan Negara**
Simbol kedaulatan sistem pemerintahan beraja
Menggenggam kedaulatan bak menggenggam bara
Menyinar punca kehidupan sesiapa sahaja

Prinsip Ketiga Rukun Negara, **Keluhuran Perlembagaan**
Perlembagaan Persekutuan undang-undang tertinggi
Rakyat wajib memperjuang dan mengekalkan kemerdekaan
Walau bergolok bergadai tanpa berbelah bahagi

Prinsip Keempat Rukun Negara, **Kedaulatan Undang-undang**
Setiap rakyat diadili samarata tanpa diskriminasi
Hargai keperitan meraih kemerdekaan oleh semua pejuang
Kekalkan kemerdekaan dan keamanan oleh setiap generasi

Prinsip Kelima Rukun Negara, **Kesopanan dan Kesusilaan**
Membentuk masyarakat bersopan santun dan bertoleransi
Kemerdekaan Malaysia yang ke enam puluh sembilan
Utuhkan keamanan dan keharmonian negara demokrasi



Mekar harum bunga cempaka,
Dipetik adik di tepi pekan;
Jerih perih merebut merdeka,
Darah dan keringat jadi taruhan.

Cantik sungguh ukiran perahu,
Bawa berlayar ke Kuala Kedah;
Rakyat bersatu bahu-membahu,
Bebaskan negeri dari penjaja

Pergi ke pasar membeli suasa,
Singgah sebentar membeli kelapa;
Jasa pejuang tetap terasa,
Akan dikenang sepanjang masa.

Merdeka!
Merdeka!
Merdeka!



Jalur Gemilang megah berkibar,
Berbayang indah di permukaan telaga;
Tiga puluh satu Ogos detik bergemar,
Laungan merdeka bergema ria.

Burung merpati terbang tinggi,
Hinggap sebentar di pohon jati;
Semangat merdeka kekal di hati,
Malaysia tercinta teguh berdiri.

Naik LRT ke Pulau Pinang,
Singgah sebentar di Tanjung Bungah;
Ayuh rakyat terus berjuang,
Malaysia maju, aman dan megah.

Nukilan:
Azlina Mohd Mydin &
Rafizah Kechil



SETIA JALUR GEMILANG DEMI PASAK YANG LIMA

Enam puluh sembilan tahun Jalur Gemilang
membelah awan
Berdiri sebagai bangsa perkasa dan maruah
yang terbela
Bersama lima pasak keramat yang
menghidupkan jiwa
Mengalir dalam darah menjadi benteng
pertahanan negara

Kepercayaan kepada Tuhan
Di sini kiblat jiwa teguh tersemat jitu sebagai
perisai iman jalan kebenaran
Tunduk berserah dalam bangkit tegak dan
tegap panduan yang menjadi obor
di dada insan
Mengangkat doa mencari rahmat dan redha di
bawah teduhan Ar Rahman
Yakinlah, bangsa yang bertuhan tidak akan
tersesat di lorong yang suram lagi kelam

Kesetiaan kepada Raja dan Negara
Kuning bulan bintang di persada biru dijunjung
tinggi, tanda sejiwa juga sehati
Setia nan satu, tiada dua, tiada jua tandingan,
paksi kedaulatan yang tiada galang ganti
Sebagai payung pelindung badai anarki dari
anasir luar yang cuba masuk meracuni
Siapa yang cuba merobek damai ini, pasti akan
tercatat sebagai tinggalan sejarah rasmi

Keluhuran Perlembagaan
Tanpa keluhuran lahirlah sengketa, tanpa
keadilan runtuhlah jati bangsa merdeka
Di sini terikat janji setia, hak rakyat dipelihara,
kuasa dibahagi dengan sentosa
Perlembagaan menjadi nadi, tertulis secara adil
tercatat dengan penuh tulus dan luhur
Tiang seri pemerintahan negara, menjamin
keadilan menolak tirani yang menghancur

Kedaulatan Undang-Undang
Merah putih jalur mengajar tentang sempadan
dan hak hukum yang adil lagi hakiki
Undang-undang tegak berdiri, tiada yang kebal,
tiada terkecuali, tiada yang dikhianati
Kebebasan ditenun dengan benang disiplin
dijalin melalui akal dan budi pekerti
Keadilan dijunjung tinggi, menjamin aman
damai abadi lagi sentosa di bumi merdeka ini

Kesopanan dan Kesusilaan
Wahai anak bangsa pemegang luhur warisan!
Enam puluh sembilan tahun bukti negara yang
rukun
Lenturkan ego, rapatkan saf, padamkan curiga,
semaikan kasih, nyalakan harapan mahkota insan
Kesopanan jadi perisai, kesusilaan jadi pedoman,
menyegar rasa sesejuk dan sedingin embun
Budi bahasa jadi hiasan, tutur kata lembut
menawan, membawa bangsa ke puncak
kejayaan

Rukun Negara bukan sekadar lafaz di bibir, ia
adalah sumpah azimat yang perkasa
Simbol perpaduan, semangat merdeka,
semangat waja teguh bersama jiwa yang setia
Pasak lima ini harus terus dipelihara,
pertahankan dengan seluruh maruah bangsa
negara

Selamanya berdaulat beraja, selamanya terbilang,
selamanya gemilang,
Malaysia di persada dunia

Nukilan:
Elly Johana Johan






Unzip SEJARAH KITA!



Gunakan petunjuk yang diberikan untuk menyelesaikan teka silang kata di bawah.



MELINTANG

3. Bulan berapa Malaysia menyambut Hari Kemerdekaan pada setiap tahun.
4. Nama rasmi bagi bendera Malaysia yang mempunyai 14 jalur merah dan putih.
5. Bapa Kemerdekaan Malaysia dan Perdana Menteri pertama.
8. Prinsip dasar negara yang dibentuk pada tahun 1970 untuk memupuk perpaduan.
9. Pejuang Pahang tersohor yang menentang penjajahan British bersama Dato' Bahaman.
10. Pahlawan terkenal dari Sarawak yang berjuang menentang Brooke dengan slogan "Agi Idup, Agi Ngelaban".

MENEGAK

1. Lagu kebangsaan Malaysia yang dipetik daripada irama lagu Terang Bulan.
2. Lokasi bersejarah di Kuala Lumpur tempat pengisytiharan Kemerdekaan 1957 dibuat. (Hint: Dua perkataan, tanpa jara
6. Negeri tempat Tunku Abdul Rahman mulamula mengumumkan tarikh Kemerdekaan sekembalinya dari London.
7. Bunga kebangsaan Malaysia yang berwarna merah dan mempunyai 5 kelopak.



NUKILAN:
SHARIFAH SARIMAH SYED ABDULLAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh
Kampus Bertam

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077